

TEKS UCAPAN

Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Selaku Tetamu Kehormat
Di Majlis Taklimat Skim Perkhidmatan
Penghulu dan Ketua Kampung yang baru

Pada Hari Khamis,
25 Rejab 1436 bersamaan 14 Mei 2015
Jam 2.00 petang

Bertempat
Dewan Persidangan Utama
Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas
Negara Brunei Darussalam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan izinNya jua kita sempat hadir dalam majlis yang menghimpunkan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung (serta juga Ketua-Ketua Rumah Panjang) dalam Majlis Taklimat mengenai Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung tahun 2013 yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga memperkenankan kuatkuasanya mulai 1hb April 2015 dan bagi menggantikan Skim Tahun 1998.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan juga telah memperkenankan langkah mengemaskan pendaftaran pengundi dan tatacara pengundian bagi pemilihan Ketua Kampung.

Langkah pengemasan itu menghendaki adanya pendaftaran dan daftar pengundi di setiap kampung yang dikemaskan setiap 6 atau 12 bulan; pengundi-pengundi yang berdaftar akan diberikan surat jemputan untuk hadir ke Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon; dan pengundian dan pemilihan Ketua Kampung hanya dikira sah jika dihadiri yakni disertai oleh tidak kurang 1/3 dari jumlah pengundi berdaftar di kampung berkenaan. Dan pengemasan ini

akan sama digunakan bagi peringkat mukim untuk pengundian dan pemilihan Penghulu Mukim.

Maka langkah pengemasan pengundi dan daftar pengundi serta penepatan bilangan tidak kurang 1/3 yang keluar mengundi itu akan mengemaskan pula Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, 2013.

Tujuan utama Skim Perkhidmatan baharu ini ialah bagi *mempertingkatkan, memperkukuh dan memantapkan lagi kewibawaan, mutu atau kualiti kepimpinan serta keberkesanan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung* sebagai teras kepimpinan akar umbi dengan memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendokong kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ringkasnya: Institusi Penghulu dan Ketua Kampung yang diakui atau diiktiraf sebagai teras kepimpinan akar umbi yang berwibawa adalah perlu sentiasa diperkukuh dan dimantapkan.

Bagaimana memperkukuh dan memantapkannya?

Jawabnya ialah dengan menjamin akan sentiasa ada kepimpinan yang bermutu lagi berkesan oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan di peringkat akar umbi.

Ertinya: Kepimpinan Penghulu dan Ketua Kampung mestilah berkualiti atau bermutu, dan mestilah berkesan.

Maka menurut Skim baharu ini orang yang pada masa ini menyandang jawatan Penghulu dan Ketua Kampung dan orang yang pada masa hadapan dilantik kejawatan penghulu dan ketua kampung adalah dan hendaklah individu yang berkebolehan membawakan kepimpinan yang berkesan dan berkualiti itu kepada anak buah masing-masing di mukim dan di kampung.

Oleh kerana itu Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung tahun 2013 adalah **meliputi perubahan kepada syarat kelayakan akademik** disamping **kelayakan kepimpinan, had umur** memasuki perkhidmatan dan had umur dalam perkhidmatan.

Dari **segi umur**, Skim baharu mensyaratkan calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 45 tahun dan tidak lebih 55 tahun bagi dicalonkan untuk jawatan ketua kampung dan tidak kurang 45 tahun dan tidak lebih 60 tahun bagi calon penghulu, yang mana sebelumnya adalah 30 dan 60 tahun bagi calon ketua kampung dan 40 dan 60 tahun bagi calon penghulu.

Dalam hal ini, penghulu mukim dan ketua kampung **yang baharu dilantik akan berkhidmat selama sepuluh tahun**, dan itupun tertakluk kepada **penilaian prestasi bagi perkhidmatan lima tahun pertama**.

Dan setelah sepuluh tahun itu, **perlantikan semula** adalah **melalui proses pencalonan dan pengundian** yang diadakan. **Jika terpilih** barulah akan **dilantik untuk tempoh lima-lima tahun sehingga mencapai umur 70 tahun.**

Tegasnya, prestasi seorang ketua kampung dan penghulu mukim tidak sahaja akan dinilai oleh Pegawai Daerah. Penduduk kampung dan mukimnya juga akan berperanan menentukan sama ada penghulu dan ketua kampung masing-masing layak meneruskan perkhidmatan setelah sepuluh tahun.

Sambil itu dalam waktu yang sama peluang adalah terbuka bagi calon-calon baharu untuk tampil menawarkan diri berkhidmat.

Penduduk kampung dan mukim pula akan mempunyai pilihan antara ketua kampung dan penghulu mukim yang telah diketahui tahap prestasi dan mutu kepimpinan masing-masing dengan calon atau calon-calon baharu yang mungkin lebih berkelayakan serta berkebolehan memberikan kepimpinan peringkat akar umbi yang berkesan.

Demikian caranya Skim baharu ini memungkinan institusi penghulu dan ketua kampung sentiasa diperkukuh, ditingkatkan serta dimantapkan kewibawaannya.

Dan untuk itu pula Skim baharu ini memperkenalkan jawatan-jawatan ketua kampung dan penghulu yang baharu dengan menjadikannya tiga peringkat dengan sukatan gaji yang baharu

serta pemberian elaun-elaun *tetamu*, *perhubungan* dan *perjalanan*.

Dalam Skim baharu ini akan ada jawatan ***Penghulu*** dan jawatan ***Ketua Kampung Tingkat III, Tingkat II*** dan ***Tingkat I*** dengan sukatan gaji baharu.

Tegasnya Skim baharu ini **memberikan ruang bagi kenaikan pangkat** dalam jawatan penghulu dan ketua kampung yang tiada terdapat dalam skim lama.

Dan khas bagi jawatan Ketua Kampung ianya membuka peluang bagi orang yang baharu yang dilantik ke jawatan ketua kampung diberikan **laluan *direct entry***, jika memenuhi syarat kelayakan akademik dan pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan.

Sukatan tanggagaji Ketua Kampung yang pada masa ini setakat C1-2 EB3 menurut Skim lama adalah diubah menjadi sebanding C1-2 EB3 bagi jawatan Ketua Kampung Tingkat III; C3-4 EB5 bagi jawatan Ketua Kampung Tingkat II; dan B2 EB3 bagi jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

Manakala **sukatan tanggagaji jawatan Penghulu Mukim** yang pada masa ini setakat C3- EB4 menurut Skim lama adalah diubah menjadi sebanding B3 bagi jawatan Penghulu Tingkat III; Kumpulan 3 bagi jawatan Penghulu Tingkat II; dan Kumpulan 2 bagi jawatan Penghulu Tingkat I.

Perlu disebutkan bahawa perubahan tanggagaji ini adalah menimbang kepada kelayakan-kelayakan akademik yang juga diubah dan ditingkatkan daripada kelayakan-kelayakan akademik dalam Skim lama.

Dan sukacita pula ditegaskan bahawa **kesemua pemegang jawatan** Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di dalam **Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 1998 yang lama akan diserapkan ke dalam Skim yang baharu** ini tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat Skim baharu.

Sebuah badan yang bertaraf lembaga adalah ditubuhkan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menurut kehendak Skim baharu ini **iaitu Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib** Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.

Lembaga berkenaan adalah bertanggungjawab bagi (i) meneliti dan menimbangkan sokongan-sokongan mengenai dengan semua perkara yang berhubung dengan hal ehwal perjawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung; (ii) meneliti dan menimbangkan kes-kes yang melibatkan pelanggaran peraturan-peraturan dan disiplin kerja dikalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.

Maka Alhamdulillah. Dimaklumi bahawa skim baharu ini telah lama ditunggukan. Sekalian penghulu dan ketua kampung menaruh harapan dan jangkakan terhadapnya. Harapan hendaknya ia menjadi kenyataan. Jangkaan hendaknya ia membawakan perubahan.

Dan kini harapan dan jangkauan itu telah dipenuhi dan dicapai.

Saya ingin menegaskan bahawa dengan memperkenankan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung tahun 2013 ini dan memperkenankan ianya berkuatkuasa mulai 1 April 2015 ini maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan suatu anugerah berupa perkara yang diharap serta dijangkakan itu kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang sedang berkhidmat pada masa ini dan yang akan berkhidmat pada masa-masa yang akan datang.

Tinggal lagi ialah cara yang wajar pada menjawatinya, pada menjunjung kurnia anugerah Raja.

Maka kita sambutlah Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 2013 ini dengan bersyukur kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Dan kita sekalian dengan penuh hormat dan ta'zim jua menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan iringan do'a semoga Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sentiasa melimpahi Baginda rahmat serta hidayat dan ri'ayah serta 'inayah dengan kekal qarrar memerintah, adil berdaulat, menaungi nusa, memimpin rakyat, kekal bahagia.

Seterusnya, saya sukacita menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak khasnya kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Meneliti Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang ditubuhkan dan dilantik atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dan selayaknya pula saya mengucapkan selamat serta tahniah kepada sekalian Penghulu dan Ketua Kampung (termasuk Ketua Rumah Panjang) atas beberapa perubahan dan peningkatan yang dibawakan oleh Skim yang baharu ini.

Setentunya pula *abis kita* bersiap sedia untuk mendatangkan perubahan dan peningkatan kepada mutu perkhidmatan *abis kita* dan lebih memantapkan lagi kewibawaan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan peringkat akar umbi yang berkesan.

Demikianlah.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- **Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman.
(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri).**

*Daraina – 8, Spg. 530, Sungai Besar,
Km. 13 Jln. Kota Batu, BD2517,
Negara Brunei Darussalam.
25 Rejab 1436/14 Mei 2015.*